

25 DEC 1996

Calon-Reaksi

ROZALI SIFATKAN YUSOFF CALON YANG TEPAT BAGI P'RAYA PULAI CHONDONG

KOTA BAHARU, 25 Dis (Bernama) -- Pemilihan bekas Timbalan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Haji Yusoff Hamzah sebagai calon Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Pulau Chondong pada 6 Januari ini dianggap satu pemilihan yang paling tepat.

Bekas Ketua Perhubungan Parti Melayu Semangat 46 Kelantan yang telah dibubarkan, Datuk Rozali Isohak berkata, pemilihan itu adalah yang terbaik kerana Yusoff mempunyai kelayakan dan pengalaman yang luas dalam masyarakat dan kerajaan.

Menurutnya, seluruh bekas anggota S46 di Pulau Chondong yang kini menyertai Umno akur dengan pemilihan itu dan akan memberi sokongan padu mereka bagi menjamin kemenangannya.

Rozali yakin sebagai anak tempatan yang mempunyai pengalaman bekerja yang sangat luas, Yusoff tidak mempunyai banyak masalah untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi-pengundi di kawasan berkenaan.

"Kita yakin Yusoff mampu membawa perubahan besar di Pulau Chondong sekiranya beliau memenangi pilihan raya itu," katanya kepada pemberita selepas pengumuman nama calon BN itu oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa di hadapan kira-kira 1,000 penyokong BN di sini petang ini.

Rozali juga berkata, setakat ini ramai bekas anggota S46 telah melibatkan diri dengan jentera pilihan raya UMNO di kawasan itu untuk memastikan Yusoff mencapai kemenangan.

Annuar ketika ditemui pemberita selepas pengumuman itu berkata, Yusoff dipilih kerana pucuk pimpinan parti yakin beliau dapat merealisasikan hasrat BN untuk memajukan rakyat di Kelantan.

"Berdasarkan pengalamannya yang luas dalam agensi (Kesedar) yang terlibat secara langsung membantu rakyat miskin termasuk dalam program pembangunan luar bandar, diharap beliau dapat meneruskan sumbangan itu dengan lebih cemerlang lagi," katanya.

Selain itu Annuar berkata, sifat kesederhanaan yang dimiliki oleh Yusoff diharap akan dapat mengukuhkan perpaduan ummah di negeri ini, tanpa mengira mereka anggota Umno, Pas atau bekas anggota S46.

Yusoff pula ketika ditemui melahirkan kesyukurannya di atas kepercayaan yang diberikan oleh pucuk pimpinan parti, khususnya Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada beliau untuk mewakili BN pada pilihan raya itu.

"Ini merupakan amanah yang besar dan saya akan cuba merealisasikan hasrat dan amanah pucuk pimpinan kepada saya seandainya saya terpilih pada pilihan raya nanti," ujar beliau.

Yusoff seterusnya berazam untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Pulau Chondong khasnya dan rakyat Kelantan amnya.

Di tanya apakan misinya sekiranya menang pada pilihan raya nanti, Yusoff berkata, beliau akan meneruskan moto BN di mana hanya melalui BN nasib rakyat akan terjamin. --BERNAMA.

BD WAT